

HUMS, KESUMBA santuni komuniti Pulau Mantanani

UB 03.09.2024 P.03

KOTA KINABALU: Pasukan petugas dari Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) dengan kerjasama Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS (KESUMBA) telah mengadakan program perkhidmatan kesihatan menyantuni komuniti di Pulau Mantanani, Kota Belud.

Menerusi penganjuran Program Komuniti Sihat Melihat Mendengar (Ko-SiMM), staf UMS terlibat memberikan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan, rehabilitasi kanak-kanak dan pemberian ubat-ubatan selain pemeriksaan mata dan telinga.

Pengarah HUMS, Prof. Madya. Dr. Malehah Datuk Mohd. Noh, berkata program itu antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran dalam komuniti mengenai pentingnya pemeriksaan kesihatan.

"Selain pemeriksaan kesihatan mata dan telinga, bantuan cermin mata dan alat bantuan pendengaran turut diberi secara percuma kepada pelajar sekolah dan orang kampung yang memerlukan.

"Inisiatif ini sekali gus



MANFAAT: Seorang pelajar sekolah SK Mantanani menerima sumbangan cermin mata.

memberi manfaat dan meningkatkan kebolehcapaian rawatan mata dan telinga kepada lebih ramai keluarga B40," katanya.

Program KoSiMM mendapat sambutan baik menerusi penyertaan 205 penduduk Pulau Mantanani yang hadir dan menerima perkhidmatan kesihatan ditawarkan.

Selain pemeriksaan kesihatan, HUMS dan KESUMBA turut mengadakan aktiviti Cabaran Geometri untuk

pelajar sekolah, selain sesi gubahan bunga dan pembuatan sabun daripada minyak untuk penduduk Pulau Mantanani.

Ia bagi meningkatkan kemahiran penduduk setempat, serta membantu mereka terlibat dalam industri pelancongan di kampung itu.

Turut diadakan sesi penyerahan sumbangan cermin mata dan sumbangan kepada pihak sekolah yang disempurnakan oleh Tim-

balan Pengarah Penyelidikan dan Inovasi HUMS, Prof. Madya Dr Nicholas Pang Tze Ping.

Hadir sama Pengarah Pusat Uberisasi Kesihatan Komuniti HUMS, Dr. Muhammad Syafiq Abdullah; Ketua Jabatan Oftalmologi HUMS, Dr. Chua Shee Wen; Guru Besar SK Pulau Mantanani, Zukri Hamzah; dan Pengurus JSK Mantanani Island Resort, Kenny Liong selaku rakan kolaboratif.



KESIHATAN: Penduduk Pulau Mantanani mendapatkan perkhidmatan kesihatan.